



**PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN NEGERI PAHANG**

Bangunan PKPP, Jalan Gambut, 25990 Kuantan, Pahang Darul Makmur

Tel : 09-556 2455 / 2172 / 2175 / 2173 Fax : 09-556 4570

E-mail : info@pkpp.gov.my Website : www.pkpp.gov.my

**DOKUMEN SEBUT HARGA**

**BAGI**

**PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN  
(TANPA SENJATA API) DI BANGUNAN PERBADANAN  
KEMAJUAN PERTANIAN NEGERI PAHANG (PKPP),  
KUANTAN, PAHANG.**

**No. Sebutharga: 148/2023**

**Harga Dokumen: Percuma**

## ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

### 1. PERIHAL SEBUT HARGA

- 1.1 Sebut harga ini adalah bagi **PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN (TANPA SENJATA API) DI BANGUNAN PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN NEGERI PAHANG (PKPP), KUANTAN, PAHANG** bagi tempoh satu (1) tahun.
- 1.2 Sebut harga ini adalah tertakluk kepada arahan-arahan dan syarat-syarat yang terkandung dalam dokumen ini.

### 2. SKOP TUGAS

- 2.1 Penyebut harga hendaklah membaca arahan-arahan dan syarat-syarat dalam dokumen sebutharga serta menyemak kandungannya dengan teliti sebelum mengisi dokumen sebut harga. Penyebut harga yang berjaya akan bertanggungjawab untuk menyediakan perkhidmatan seperti berikut:
  - a) **Perkhidmatan Kawalan Keselamatan (Tanpa Senjata Api) Di Bangunan Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang (PKPP), Kuantan, Pahang. (Kod Bidang KKM: 220801)**

### 3. LARANGAN KEPADA PENYEBUT HARGA

- 3.1 Menarik diri sebelum / selepas keputusan sebutharga dibuat.
- 3.2 Membuat pakatan harga.
- 3.3 Memalsukan maklumat atau menyorokkan maklumat (yang memberi kesan negatif terhadap keupayaannya) dengan tujuan menyertai sebutharga.
- 3.4 Mengemukakan beberapa pilihan tawaran.

### 4. PENERIMAAN SEBUT HARGA

**PKPP tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah** atau mana-mana tender. Kerajaan berhak menerima **keseluruhan** atau **sebahagian** perkhidmatan / peralatan / barang / kerja yang ditawarkan. Penyebut harga yang berjaya dikehendaki menandatangani **Surat Setuju Terima** yang akan menjadi sebahagian daripada Kontrak Perkhidmatan ini.

## SYARAT-SYARAT DAN PERINCIAN KERJA

1. Bertanggungjawab mengawal dan memastikan keselamatan Bangunan Ibu Pejabat PKPP dan Bangunan ILI, kenderaan-kenderaan milik PKPP yang disimpan di halaman pejabat serta harta-harta benda PKPP yang lain yang disimpan di luar (dalam kawasan bangunan) dan di dalam kedua-dua bangunan tersebut.
2. Memastikan semua pintu-pintu masuk ke dalam bangunan dan pintu-pintu bilik dalam pejabat berkunci rapi dan lampu-lampu dipadamkan selepas waktu pejabat.
3. Bertanggungjawab mengawal dan memerhati gerak laku orang-orang yang keluar masuk ke bangunan pejabat dan mengambil tindakan serta merta melaporkan kepada Pengurusan PKPP atau pihak-pihak yang berwajib lain jika terdapat gerak laku orang-orang yang mencurigakan.
4. Bertanggungjawab melaporkan dengan serta-merta kepada pihak-pihak yang berkenaan seperti Polis, Bomba dan Pengurusan PKPP jika berlaku sebarang kejadian yang tidak diingini terhadap bangunan dan harta benda PKPP seperti kecurian, kebakaran dan lain-lain ancaman.
5. Bertanggungjawab menerima anak-anak kunci pintu masuk ke dalam bangunan pejabat PKPP yang diserahkan dan disimpan dengan baik serta selamat. Pastikan semua pintu-pintu dikunci sebagaimana arahan yang diterima dari masa ke semasa.
6. Sentiasa bersedia menerima arahan-arahan terbaru dari masa ke semasa daripada Pengurusan PKPP bagi memperkemaskan lagi tahap keselamatan bangunan dan harta benda milik PKPP.
7. Pekerja yang digunakan mestilah mempunyai kewarganegaraan Malaysia.
8. Kontraktor akan dikenakan potongan atau denda pada kadar **RM150.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Lima Sahaja)** sehari bagi setiap pekerja yang tidak hadir bertugas pada hari-hari bekerja sepertimana yang telah ditetapkan. Potongan atau denda ini akan ditolak daripada bayaran bulanan.

## 9. Jadual Waktu, Kadar Jam Bertugas Dan Syarat

Bil.	Hari	Tempoh	Jumlah Jam	Syarat
1.	Isnin hingga Jumaat	7.00 pagi hingga 7.00 malam (Siang)	12 Jam	2 Orang Pengawal (Tanpa Senjata Api)
2.	Sabtu & Ahad	7.00 pagi hingga 7.00 malam (Siang)	12 Jam	Seorang Pengawal (Tanpa Senjata Api)
3.	Isnin hingga Ahad	7.00 malam hingga 7.00 pagi (Malam)	12 Jam	Seorang Pengawal (Tanpa Senjata Api)
4.	Jumaat	12.00 tengah hari hingga 3.00 petang	3 Jam	Diwajibkan Seorang Pengawal Wanita atau Lelaki bukan Beragama Islam.

## 10. Pembayaran

- 10.1 Bayaran akan dibuat pada tiap-tiap bulan berdasarkan kepada sokongan dan pengesahan oleh Pengurus Pentadbiran dan Sumber Manusia PKPP atau wakilnya.

## 11. Tempoh Kontrak

- 11.1 Tawaran kerja yang diberikan kepada kontraktor yang berjaya adalah untuk tempoh satu (1) tahun. Kerja-kerja ini akan bermula pada **01 Januari 2024** dan tamat pada **31 Disember 2024**.
- 11.2 Jika pihak PKPP mendapati kerja-kerja yang dijalankan adalah memuaskan, kontrak berkenaan boleh dipertimbangkan untuk disambung dari setahun ke setahun. Walau bagaimanapun perkara ini adalah tertakluk kepada sokongan dan pertimbangan oleh Pengurusan PKPP.

## 12. Penamatan Kontrak

- 12.1 Jika sekiranya kerja-kerja yang dilakukan tidak memenuhi kehendak atau tidak memuaskan hati pihak PKPP, amaran bertulis akan dikeluarkan dan kontraktor dikehendaki memperbaiki keadaan tersebut dalam tempoh satu bulan.

- 12.2 Sekiranya didapati amaran berkeenaan tidak dipatuhi, **PKPP berhak menamatkan kontrak kerja dengan memberi satu (1) bulan notis** walaupun tempoh kontrak masih belum tamat.
- 12.3 Jika tidak berpuas hati atas apa jua sebab, kontraktor juga boleh dan berhak menamatkan kontrak dengan PKPP dengan memberi satu (1) bulan notis walaupun tempoh kontrak masih belum tamat.
- 12.4 Walau bagaimanapun jika kontrak kerja ditamatkan seperti dalam perkara 12.2 dan/atau 12.3 di atas, wang tahanan kerja tidak akan dikembalikan kepada kontraktor.



## **BORANG SEBUT HARGA NO. 148/2023**

Kepada,  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang  
Jalan Gambut,  
25990 Kuantan,  
PAHANG DARUL MAKMUR.

YH. Dato',

### **SEBUT HARGA NO. 148/2023**

**PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN (TANPA SENJATA API) DI BANGUNAN PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN NEGERI PAHANG (PKPP), KUANTAN, PAHANG.**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas, dengan ini saya/kami bagi pihak Syarikat \_\_\_\_\_ bersetuju menawarkan harga bagi perkhidmatan tersebut di atas seperti berikut :

**1. Tempoh dan Kadar Perkhidmatan**

**A) 7.00 pagi – 7.00 malam (Siang) ~ Isnin hingga Jumaat**

Jumlah Jam : 12 jam  
Kadar Sejam : RM \_\_\_\_\_  
2 orang x 12 jam x kadar sejam x 261/12 = RM \_\_\_\_\_

**B) 7.00 pagi – 7.00 malam (Siang) ~ Sabtu hingga Ahad**

Jumlah Jam : 12 jam  
Kadar Sejam : RM \_\_\_\_\_  
1 orang x 12 jam x kadar sejam x 104/12 = RM \_\_\_\_\_

**C) 7.00 malam – 7.00 pagi (Malam) ~ Isnin hingga Ahad**

Jumlah Jam : 12 Jam  
Kadar Sejam : RM \_\_\_\_\_  
1 orang x 12 jam x kadar sejam x 365/12 = RM \_\_\_\_\_

Jumlah Kadar Sebulan (A +B+ C) = RM

**+** Cukai Perkhidmatan (SST 6%) = RM

**Jumlah Besar (Sebulan) = RM**

(Ringgit Malaysia : \_\_\_\_\_)

**2. Maklumat Syarikat :**

Nama Syarikat : \_\_\_\_\_

No. Pendaftaran Syarikat : \_\_\_\_\_

Alamat : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

No.Sijil Kementerian  
Kewangan (KK) : \_\_\_\_\_

Tempoh : \_\_\_\_\_

No. Telefon (Pejabat) : \_\_\_\_\_ Fax : \_\_\_\_\_

Nama Pegawai untuk  
dihubungi : \_\_\_\_\_

Jawatan : \_\_\_\_\_

No. Telefon (H/P ) : \_\_\_\_\_

Tandatangan : \_\_\_\_\_

3. Saya/Kami dengan ini juga telah memahami dan sanggup mematuhi segala terma-terma serta syarat-syarat sebutharga bagi melaksanakan perkhidmatan tersebut dengan memuaskan dan baik sekiranya berjaya.

.....  
**Cop Nama/Alamat Syarikat**  
**Tarikh :**

## LAMPIRAN F

## SURAT AKUAN PEMBIDA

**SH – 148/2023****PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN (TANPA SENJATA API) DI BANGUNAN  
PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN NEGERI PAHANG (PKPP), KUANTAN, PAHANG.**

Saya,.....nombor K.P ..... yang mewakili ..... nombor Pendaftaran .....dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang** atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga\* seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga\* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender /sebut harga\* di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi tender/sebut harga\* di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga\* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis berhampiran.

Yang Benar,

.....

(Nama dan No. KP)

Cop Syarikat :

Catatan: i)\*Potong mana yang tidak berkenaan.

ii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa

## SENARAI SEMAK DOKUMEN

Sila tandakan ( ✓ ) bagi dokumen-dokumen yang disertakan.

BIL	PERKARA	UNTUK DITANDA OLEH SYARIKAT	UNTUK DITANDA OLEH JAWATANKUASA PEMBUKA SEBUTHARGA
1	Profil Syarikat		
2	Harga tawaran diisi dengan lengkap dan ditandatangani		
3	Maklumat Syarikat/Kontraktor diisi dengan lengkap		
4	Penyata Akaun Bank (terkini) 3 bulan		
5	Surat Akuan Pembida		